



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Tel.: 03-8000 8000
Faks: 03-8889 5542
Email: anhisham@moh.gov.my

Ruj. Kami:KKM.600-29/4/146 Jld. 62 (6)

Tarikh : 4 Januari 2022

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato' Indera/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL. .1./2022

SYOR TERBAHARU PENGGUNAAN VAKSIN PFIZER, SINOVAC DAN ASTRAZENECA SEBAGAI DOS PENGGALAK (*BOOSTER DOSE*) SECARA *HOMOLOGOUS* ATAU *HETEROLOGOUS* DI BAWAH PROGRAM IMUNISASI COVID-19 KEBANGSAAN (PICK)

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai arahan terkini mengenai penggunaan vaksin Pfizer, Sinovac dan AstraZeneca sebagai dos penggalak (*booster dose*) secara *homologous* atau *heterologous* di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

2. LATAR BELAKANG

2.1 Pelaksanaan pemberian dos penggalak (*booster dose*) dan dos tambahan vaksin COVID-19 telah dimulakan pada 13 Oktober 2021 dengan objektif berikut:

- i. Memastikan imuniti yang telah dibentuk selepas menerima dos primer lengkap dapat dikekalkan untuk tempoh yang optimum daripada risiko terhadap jangkitan COVID-19.
- ii. Mengelakkan peningkatan semula kes COVID-19 di negara ini seterusnya memastikan perkhidmatan kesihatan negara terus berfungsi pada tahap optimum.

2.2 Dos penggalak diberikan kepada **individu dewasa berumur 18 tahun dan ke atas** dengan keutamaan kepada kumpulan rentan dan berisiko tinggi. Keutamaan temujanji diberikan mengikut turutan umur (*age step down approach*). Pada masa ini keutamaan ialah kepada:

- i. petugas barisan hadapan (kakitangan kesihatan dan bukan kesihatan);
- ii. penghuni dan petugas di pusat jagaan kesihatan jangka panjang seperti pusat penjagaan warga emas, *nursing home* dan sebagainya;
- iii. individu dengan komorbiditi;
- iv. ibu mengandung; dan
- v. keperluan ke luar negara

2.3 Pihak pengamal perubatan swasta perlu mengikut syor pemberian dos penggalak oleh KKM.

3. SYOR TERBAHARU PEMBERIAN DOS PENGGALAK VAKSIN PFIZER, SINOVAC DAN ASTRAZENECA SEBAGAI DOS PENGGALAK (BOOSTER DOSE) SECARA *HOMOLOGOUS* ATAU *HETEROLOGOUS*

3.1 Sehingga 31 Disember 2021, Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) telah meluluskan vaksin Comirnaty keluaran Pfizer-BioNTech, vaksin CoronaVac keluaran Sinovac dan vaksin AstraZeneca untuk digunakan sebagai dos penggalak.

3.2 Kelulusan khas Ketua Pengarah Kesihatan berkaitan penggunaan *off-label* vaksin Pfizer dan AstraZeneca sebagai dos penggalak secara *heterologous* kepada penerima vaksin primer Sinovac telahpun diperolehi pada 1 Disember 2021.

3.3 Pemberian dos penggalak vaksin COVID-19 secara *homologous* atau *heterologous* yang disyorkan oleh Jawatankuasa Kerja Teknikal (TWG) adalah seperti Jadual 1:

Jadual 1: Pemberian dos penggalak vaksin COVID-19 secara *homologous* atau *heterologous*

Jenis Vaksin yang diterima	Tempoh masa pemberian dos penggalak	Jenis vaksin yang disyorkan
Comirnaty (Pfizer)	3 bulan selepas dos 2	Comirnaty (Pfizer) (PPP) atau; AstraZeneca (PPA)
AstraZeneca		AstraZeneca (AAA) atau; Comirnaty (Pfizer) (AAP)
CoronaVac (Sinovac)		Comirnaty (Pfizer) (SSP) atau; AstraZeneca (SSA) atau; CoronaVac (Sinovac) (SSS)
Covilo (Sinopharm)		Comirnaty (Pfizer) (OOP) atau; AstraZeneca (OOA)
Spikevax (Moderna)		Comirnaty (Pfizer) (MMP) atau; AstraZeneca (MMA)
Sputnik V		Comirnaty (Pfizer) (VP) atau; AstraZeneca (VA)
Convidecia (CanSino)	3 bulan selepas dos 1	Comirnaty (Pfizer) (CP) atau; AstraZeneca (CA)
Janssen (Johnson & Johnson)	2 bulan selepas dos 1	Comirnaty (Pfizer) (JP) atau; AstraZeneca (JA)

3.4 Vaksin Comirnaty (Pfizer) sebagai dos penggalak:

- i. Pemberian secara *homologous* (PPP) berdasarkan Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil 17 /2021, dan
- ii. Pemberian secara *heterologous* disyorkan untuk penerima vaksin dos primer jenis **vaksin yang lain**, seperti di Jadual 1.

3.5 Vaksin AstraZeneca sebagai dos penggalak:

- i. Pemberian secara *homologous* (AAA) bagi **semua penerima berumur 18 tahun** dan ke atas layak menerima dos penggalak;
- iii. Pemberian secara *heterologous* disyorkan untuk penerima vaksin dos primer jenis **vaksin yang lain**, seperti di Jadual 1.

3.6 Vaksin CoronaVac (Sinovac) sebagai dos penggalak:

- i. **Semua penerima dos primer** Vaksin CoronaVac (Sinovac) berumur 18 tahun dan ke atas layak menerima dos penggalak;
- ii. Keutamaan dos penggalak bagi vaksin ini adalah secara *heterologous* iaitu vaksin Comirnaty (Pfizer) (SSP) dan AstraZeneca (SSA);
- iii. Vaksin penggalak secara *homologous* CoronaVac (Sinovac) (SSS) disarankan dalam keadaan berikut:
 - a. Penerima yang mempunyai kontraindikasi/ alahan terhadap vaksin Comirnaty (Pfizer).
 - b. Penerima dos primer vaksin CoronaVac (Sinovac) yang menolak vaksin lain yang disyorkan.

4. RUJUKAN BAGI PEMBERIAN DOS PENGGALAK (**BOOSTER DOSE**)

4.1 Pelaksanaan pemberian dos penggalak (*booster dose*) kepada kumpulan keutamaan juga boleh dirujuk kepada:

- i. Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil 5 Tahun 2021: Pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan Fasa 2;
- ii. Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil 7 Tahun 2021: Garis panduan Pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan Fasa 2 Di Institusi / Pusat Jagaan Warga Emas;
- iii. Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil 17 Tahun 2021: Perluasan Pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) dengan Pemberian Dos Tambahan dan Dos Penggalak;
- iv. Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil 19 Tahun 2021: Keputusan Penggunaan Vaksin Pfizer, Sinovac dan

Astrazeneca Sebagai Dos Penggalak (*Booster Dose*) Secara *Homologous* Atau *Heterologous* di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK);

- v. Garis Panduan "*Clinical Guidelines on COVID-19 Vaccination in Malaysia, 4th Edition*" yang telah dikeluarkan pada 17 Oktober 2021;
- vi. Garis Panduan "*Updated Information on COVID-19 Vaccination in Pregnancy (update on the safety of COVID-19 vaccination in pregnancy and boosters)*" telah dikeluarkan pada 18 November 2021;
- vii. *ProtectHealth COVID-19 Immunisation Programme Manual For Private Medical Clinics* (Versi 2.0); dan
- viii. *ProtectHealth COVID-19 Immunisation Programme Manual For Private Hospital & ACC* (Versi 1.0).

5. TARIKH BERKUATKUASA

Arahan di dalam surat pekeliling ini berkuatkuasa mulai dari tarikh surat ini.

6. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada:

Pertanyaan berkaitan pelaksanaan pemberian imunisasi oleh pengamal perubatan swasta

Pusat Khidmat Pelanggan ProtectHealth Corporation Sdn Bhd
[beroperasi Isnin-Jumaat; 8.30 pagi - 5.30 petang, Sabtu dan Ahad
9.00 pagi - 4.00 petang]

Tel: +603-8687 2525

Emel: vaksincovid@protecthealth.com.my

Pertanyaan berkaitan pelaksanaan pemberian imunisasi di fasiliti KKM

Bilik Gerakan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan
[beroperasi Isnin-Jumaat (tidak termasuk Cuti Umum), 9.00 pagi - 5.00 petang]

Tel: 03-88833951
Emel: imunisasi@moh.gov.my

Pertanyaan berkaitan AEFI vaksin COVID-19

Tel: 03-7883 5400 ext 5457, 5447 atau 5445
Emel: mycovid.aefi@npra.gov.my

7. PENUTUP

YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan adalah bertanggungjawab untuk memastikan arahan dalam pekeliling ini dihebahkan dan dipatuhi. Komitmen dari semua anggota kesihatan amat saya hargai.

Sekian, terima kasih.

'WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030'

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya Yang menjalankan amanah,



(TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH)

s.k. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan & Sokongan
Teknikal)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Kanan
Program Kesihatan Pergigian
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Kanan
Program Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

Setiausaha Sulit Kanan kepada YBMK
Kementerian Kesihatan Malaysia

SENARAI EDARAN

Ketua Pegawai Eksekutif
ProtectHealth Cooperation Sdn. Bhd.

Pengarah Perkhidmatan Kesihatan
Angkatan Tentera Malaysia
Bahagian Perkhidmatan Kesihatan

Pengarah
Bahagian Kawalan Penyakit

Pengarah
Bahagian Perkembangan Perubatan

Pengarah
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga

Pengarah
Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam

Pengarah
Bahagian Pendidikan Kesihatan

Pengarah
Bahagian Kejururawatan

Pengarah
Bahagian Pengurusan Latihan

Pengarah
Institut Penyelidikan Perubatan

Pengarah
Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perak

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan WP Kuala Lumpur & Putrajaya

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Negeri Sembilan

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Johor

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan WP Labuan

Pengarah
Hospital Kuala Lumpur

Pengarah
Institut Kanser Negara

Pengarah
Pusat Darah Negara

Pengarah
Institut Perubatan Respiratori

Pengarah
Pusat Perubatan Universiti Malaya

Pengarah
Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia

Pengarah
Hospital Universiti Sains Malaysia

Dekan
Fakulti Perubatan
Universiti Malaya

Dekan
Fakulti Perubatan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Dekan
Fakulti Perubatan
Universiti Putra Malaysia

Dekan
Fakulti Perubatan
Universiti Sains Malaysia

Dekan
Fakulti Perubatan
Universiti Malaysia Sarawak

Dekan
Fakulti Perubatan
Universiti Malaysia Sabah

Dekan
Fakulti Perubatan
Universiti Sains Islam Malaysia
Dekan
Fakulti Perubatan
Universiti Teknologi MARA

Dekan
Fakulti Perubatan
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

Dekan
Fakulti Perubatan
Universiti Islam Antarabangsa

Dekan
Fakulti Perubatan
Universiti Sultan Zainal Abidin